

Kosmo
 19/12/2016
 m/s 24-25

Kecuaiaan pengendali kren punca kemalangan

KEJADIAN kren projek pembinaan tumbang lalu menghempap sebuah kereta di kawasan Perindustrian Meru, Klang, Selangor pada 4 November lalu mengorbankan dua mangsa iaitu pemandu dan penumpang kereta berkenaan.

Pengendali kren tidak kompeten antara faktor yang dilihat menyumbang kepada kekerapan berlaku kemalangan di tapak pembinaan di negara ini.

Pensyarah Kanan Teknologi Bangunan Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, Dr. Mohd. Zailan Sulieman berkata, terdapat kes pengendali kren yang diambil bekerja di tapak-tapak pembinaan tidak mengikuti Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan Bagi Pekerja Binaan yang ditetapkan pihak berkuasa.

“Isu ini sering dibincangkan dalam seminar dan forum kerana kebanyakan hasil siasatan kemalangan di tapak pembinaan



PENGENDALI kren tidak kompeten antara faktor yang menyumbang kepada kekerapan kejadian kes kren tumbang di tapak pembinaan di negara ini. – Gambar hiasan

Maut dihempap kren cerucuk



MOHD. ZAILAN





LAM THYE

kemalangan di tapak pembinaan melibatkan kren menunjukkan ia berpunca daripada kecuaiian pengendali tidak kompeten," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Kursus

Mohd. Zailan berkata, semua pekerja binaan di tapak binaan dikehendaki mengikuti Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan Bagi Pekerja Binaan selaras Pekeliling Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) yang ditetapkan pihak berkuasa.

Kren, mereka perlu mengikuti Kursus Latihan Induksi dan Program Kad Hijau Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) yang mensyaratkan semua kontraktor utama melaksanakan Sistem Kad Hijau di tapak pembinaan.

Kren juga hendaklah diselenggara mengikut keperluan pengeluar dan diuji dari semasa ke semasa oleh individu yang kompeten sebelum digunakan di tapak pembinaan.

"Selain itu, pengendali yang sakit tidak boleh dibenarkan mengendali kren dan tidak dibenarkan bekerja lebih empat jam tanpa rehat," katanya.

Sementara itu, **Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye** berkata, kemungkinan terdapat kontraktor yang mengambil pekerja tempatan atau asing secara tidak sah antara punca kemalangan di tapak pembinaan melibatkan kren.

Katanya, sebahagian pekerja asing mungkin mempunyai sijil berkaitan di negara mereka tetapi tidak ada pihak yang dapat menentukan tahap latihan serta keupayaan mereka menyesuaikan diri dengan jenis mesin dan cuaca di negara ini.

**KERATAN
muka depan
akhbar
Kosmo!
5 November
2016.**



"Walaupun JKKP menetapkan hanya rakyat tempatan boleh memiliki sijil kecekapan kren, ada kemungkinan kontraktor mengambil pekerja secara tidak sah," katanya.

Beliau menyarankan agar pihak berkuasa memastikan para kontraktor menggunakan khidmat pengendali kren bertauliah, manakala pegawai bertugas di tapak pembinaan juga perlu memeriksa keadaan kren selamat digunakan.

Maut

Antara kes yang melibatkan kren termasuklah pada 25 Ogos lalu apabila seorang wanita maut selepas kereta yang dipandunya dihempap besi penyangkut kren yang terjatuh di Jalan Raja Chulan, Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Pada 17 Oktober pula, seorang pegawai Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) nyaris maut apabila

besi pembinaan kondominium menghempap keretanya ketika hendak keluar dari Wisma Bernama.

Pada 5 November lalu, sepasang suami isteri maut selepas kereta mereka dihempap sebuah mesin cerucuk besi yang tumbang ketika memandu di kawasan tapak pembinaan di Bandar Baru Bukit Raja, Klang, Selangor.

Sebuah jejambat pejalan kaki dalam pembinaan berhampiran Pangsapuri Abdullah Hukum di Jalan Bangsar, Kuala Lumpur runtuh menyebabkan seorang maut, manakala lima lagi cedera dalam kejadian pada 30 November lalu.

Terbaharu, sebuah kren dilaporkan tumbang di tapak pembinaan berhadapan bangunan Lembaga Hasil Dalam Negeri, Damansara Perdana. Bagaimanapun, tiada mangsa terbabit dalam kejadian itu. - Bernama



SEORANG maut dan lima cedera pada kejadian jejambat pejalan kaki dalam pembinaan berhampiran Pangsapuri Abdullah Hukum, Jalan Bangsar, Kuala Lumpur pada 30 November lalu.

PASUKAN
tentera kini
menawan
kawasan timur
Aleppo daripada
kumpulan
pemberontak.



**LAMAN
GLOBAL**

KEADAAN bandar Aleppo sebelum berlaku peperangan.

Aleppo musnah angkaranya peperangan

BUKTI DAN DOKUMENTASI
DITERIMA
19 DEC 2016
U.R.D
M.B.P.J.

KAFA Jawish tidak dapat tidur selama beberapa hari, dia berasa gementar untuk melihat keadaan rumahnya yang terletak di timur Aleppo, Syria buat pertama kali selepas meninggalkan kediaman itu empat tahun lalu.

Namun, apabila tiba di Kafa, dia mendapati hanya sedikit struktur rumah itu masih berdiri dan selebihnya telah runtuh.

Dia antara ratusan rakyat Syria yang kembali ke timur Aleppo setelah pasukan tentera menawan kembali bandar itu daripada kumpulan pemberontak baru-baru ini.

Penduduk di kawasan itu mula pulang ke rumah masing-masing setelah meninggalkan ia beberapa tahun lalu.

Kafa hampir tidak mampu mengawal kegembiraannya ketika berada di dalam bas milik kerajaan menuju ke kawasan kejiranan Haydariya

di timur laut Aleppo.

“Saya meninggalkan kediaman ini selama empat tahun dan saya sangat gembira untuk kembali. Saya tidak dapat tidur selama tiga hari kerana begitu teruja.

“Saya mahu meraung kegembiraan apabila melihat rumah saya masih selamat dan tidak runtuh sepenuhnya,” jelas wanita berusia 36 tahun itu.

Bersama penumpang lain dalam sebuah bas yang penuh, Kafa dan suaminya Tajeddin Ahmed membincangkan rancangan mereka apabila pulang ke rumah setelah bertahun-tahun hidup di tengah Aleppo.

“Saya mahu kembali hidup di rumah saya, tidak kira apapun keadaannya.

“Kami bosan menyewa rumah. Kami rindukan rumah, ahli keluarga dan jiran-jiran kami,” katanya.

Pasangan itu meninggalkan

Haydariya pada Julai 2012 apabila pemberontak mula memasuki bandar tersebut.

Lebih separuh daripada penduduk Syria berpindah sama ada di dalam atau luar negara setelah bermula konflik tunjuk perasaan antikerajaan pada Mac 2011 yang kemudiannya menyebabkan peperangan sehingga mengorbankan lebih 300,000 nyawa.

Lokasi terburuk

“Saya mahu kembali ke rumah lama yang kami sekeluarga tinggalkan. Kami mahu hidup bersama-sama dengan selamat dan gembira.

“Saya benar-benar berharap rumah saya masih dalam keadaan baik,” kata Tajeddin, 45.

Apabila peperangan berlaku, timur Aleppo menjadi lokasi keganasan terburuk. Kini, ia kembali selamat setelah pihak berkuasa melancarkan serangan untuk menawan semula bandar itu pada pertengahan November lalu.

Di sepanjang jalan bandar itu, kebanyakan bangunan runtuh sepenuhnya dan perabot-perabot di dalam rumah juga hilang serta musnah.

Dalam perjalanan

PEPERANGAN yang berlaku di Aleppo menyebabkan banyak rumah di bandar itu musnah.

itu, Kafa cuba untuk mengemang kembali kawasan dia dan suaminya selalu berkelah.

Begitupun, apabila mereka sampai, dia tiba-tiba menangis selepas melihat beberapa bahagian kediaman mereka runtuh sepenuhnya.

Kebanyakan tingkap, bingkai dan pintu hadapan rumahnya telah hilang. Di pintu masuk rumahnya, terdapat selonggok jubin yang telah pecah.

Sukar untuk mereka memasuki rumah itu. Pasangan itu berdiri sambil berjengket untuk melihat melalui tingkap bawah di pangsapuri lama mereka.

“Kami sangat optimis, saya berfikir, saya akan meraung apabila kami tiba tetapi kini semuanya telah musnah dan tidak boleh didiami,” katanya sambil menangis.

Kafa berkata, mereka telah menyimpan wang bertahun-tahun lamanya untuk mendapatkan rumah itu.

“Kami membeli barang kelengkapan sedikit demi sedikit sehingga kami mempunyai satu mesin basuh dan sebuah peti sejuk. Namun, kini tiada apa lagi yang tinggal dan semuanya telah musnah.

“Kami banyak berkorban untuk memiliki rumah ini. Kami kena bermula sekali lagi untuk memiliki kesemuanya.

“Saya faham, kesemua saudara kami mengalami situasi yang sama,” katanya yang memberitahu, kehidupan lama mereka telah menjadi satu memori. - AFP

INFO Aleppo

- Merupakan bandar kedua terbesar di Syria selepas Damsyik
- Keluasan 190 kilometer persegi
- Mempunyai kira-kira 2.3 juta populasi penduduk
- Terkenal sebagai destinasi kegemaran pencinta seni dan sejarah

